

PM akan minta Bush hentikan serangan

UM 3 - NOV 2001

KUALA LUMPUR 2 Nov. — Perdana Menteri berkata, beliau akan mengutus surat kepada Presiden George W. Bush untuk meminta Amerika Syarikat (AS) dan sekutunya menghentikan serangan terhadap Afghanistan.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bagaimanapun tidak menyatakan bila surat tersebut akan dihantar kepada Bush.

Katanya, perkara itu adalah isu yang dinyatakannya dalam pertemuan dengan ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) di Putrajaya awal hari ini.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Surat terbaru itu dilihat sebagai usaha Malaysia bagi meyakinkan AS bahawa serangan yang mereka lakukan terhadap Afghanistan tidak membantu negara itu mencari Osama bin Laden yang dituduh terlibat dalam serangan 11 September lalu.

Sebelum ini iaitu selepas tragedi 11 September, Bush telah menghuggingi Dr. Mahathir untuk menyata-

kan penghargaan terhadap usaha Malaysia memerangi keganasan.

Ekoran perbualan itu, Dr. Mahathir telah mengutus surat kepada Bush untuk menjelaskan pandangannya mengenai langkah menentang keganasan.

Kedua-dua pemimpin itu turut bertemu pada Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Shanghai bulan lalu untuk membincangkan isu memerangi keganasan.

Pendirian

Mengenai ketiadaan pendirian bersama di kalangan semua ahli Parlimen mengenai serangan terhadap Afghanistan, beliau berkata, secara umumnya, semua pihak di Malaysia tidak bersetuju dengan serangan itu.

“Kita semua tak setuju, tinggal lagi ada yang nak demonstrasi dan ada yang tidak,” katanya.

Namun, tegasnya, dari segi menentang keganasan, semua parti di Malaysia termasuk parti pembangkang sudah mempunyai pendirian bersama.

Sehubungan itu, kata Dr. Maha-

thir, Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) telah diminta untuk menganjurkan satu seminar pada 16 dan 17 November ini bagi membincangkan isu keganasan.

Katanya, UMNO akan turut mengambil bahagian dalam seminar itu dan beliau sendiri akan berucap bagi menjelaskan pendirian kerajaan berhubung isu keganasan dan serangan terhadap Afghanistan.

“Lepas itu (seminar) kita boleh buat kita punya pendirian bersama,” katanya.

Mengulas lanjut pertemuannya dengan ahli Parlimen BN, Dr. Mahathir berkata, beliau juga telah menjelaskan tentang rasa tidak puas hati mereka terhadap menteri dan juga mengenai peranan mereka dalam projek-projek kecil.

Katanya, berikutan penjelasan itu, semua ahli Parlimen BN telah memahami masalah itu.

“Pendek kata, tidak banyak lagi ada masalah. Ada yang kecil-kecil sahaja dan kita boleh selesaikan. Ini masalah dalaman,” jelasnya.